

Reaksi alahan



Reaksi alahan, juga dikenali sebagai reaksi hipersensitiviti, berlaku apabila tubuh menunjukkan satu set gejala dalam tindak balas berlebihan terhadap bahan asing (misalnya ubat, makanan, debunga, dan lain-lain). Salah satu reaksi hipersensitiviti yang paling biasa semasa fasa rawatan barah berlaku semasa infusi ubat antibarah, ketika tubuh bertindak balas terhadap ubat tersebut. Rencana ini memberi tumpuan kepada reaksi alahan yang berkaitan dengan penggunaan ubat antibarah.

Faktor-faktor yang menyebabkan Reaksi Alahan

Reaksi alahan telah dilaporkan berlaku dalam kebanyakan ubat antibarah, tetapi lebih biasa berlaku dengan yang berikut:

- Paclitaxel, Docetaxel
- Cisplatin, Carboplatin, Oxaliplatin
- Etoposide, Teniposide
- Doxorubicin Liposomal Pegylated
- L-asparaginase

- Rituximab

Apa yang perlu anda perhatikan

Beberapa reaksi alahan boleh berlaku sebaik sahaja selepas infusi, sementara yang lain mungkin memakan masa berjam-jam untuk berkembang. Ada yang merupakan reaksi alahan ringan dan ada juga yang teruk. Reaksi alahan yang teruk boleh berlaku dengan cepat hingga menjejaskan seluruh badan, dan boleh mengancam nyawa jika tidak segera dirawat.

Reaksi alahan ringan boleh berlaku seperti:

- Ruam kulit
- Menggigil
- Hidung gatal/berair
- Sesak nafas secara sederhana
- Mata berair/gatal/merah
- Muka dan leher merah padam atau menjadi kemerahan buat sementara waktu
- Sesak dada

Reaksi sederhana hingga teruk boleh berlaku seperti:

- Loya atau mual/muntah
- Kejang perut
- Muka / mata / lidah / tekak membengkak
- Sukar untuk menelan
- Berdehit/ kesukaran bernafas teruk

Bagaimana ia boleh dirawat

Untuk ubat-ubat antibarah yang diketahui menyebabkan reaksi alergi, pra-ubat (ubat yang diberikan sebelum infus ubat antibarah) biasanya akan diberikan untuk mencegah atau mengurangkan reaksi jika perlu. Walau bagaimanapun, tindak balas alahan mungkin masih boleh berlaku. Jika ia berlaku, doktor akan menilai anda, menentukan setakat mana teruknya reaksi alahan anda dan mungkin melakukan perkara berikut:

- Hentikan infusi ubat. Sekiranya reaksi berhenti, infusi ubat boleh dimulakan semula pada kadar yang lebih perlahan, tetapi jika reaksi itu teruk, infusi ubat mungkin akan dihentikan secara kekal.
- Memberikan ubat untuk mengurangkan kesan tindak balas. Ini termasuk antihistamin (misalnya benedryl), kortikosteroid (misalnya hidrokortison), dan / atau bronkodilator (misalnya salbutamol) untuk meredakan sebarang gejala yang mungkin anda alami.
- Jika anda mengalami reaksi alahan segera maklumkan kepada pakar onkologi yang merawat anda supaya langkah-langkah dapat diambil pada masa hadapan untuk mencegahnya daripada berulang.

Apa yang boleh anda lakukan

Berikut adalah beberapa langkah yang boleh anda ambil untuk membantu mengurangkan risiko reaksi alahan anda daripada infusi antibarah:

✓	✗
<p>Sebelum rawatan anda</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumkan kepada doktor mengenai sejarah alahan yang pernah anda alami, termasuk makanan dan ubat-ubatan • Ambil pra-ubat seperti yang ditetapkan. Sekiranya anda terlupa, beritahu doktor atau jururawat anda 	
<p>Semasa rawatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumkan kepada jururawat anda dengan segera sekiranya anda mengalami ketidakselesaan fizikal, atau gejala seperti yang disenaraikan di bahagian sebelumnya 	<ul style="list-style-type: none"> • Jangan cuba tahan atau simpan rasa tidak selesa kepada diri sendiri. Reaksi alahan mungkin bermula dengan gejala ringan dan akhirnya bertambah teruk

<p>Selepas rawatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maklumkan kepada doktor anda mengenai sebarang tanda alahan yang anda alami • Sekiranya anda tidak pasti sama ada gejala yang anda alami adalah reaksi alahan atau kesan sampingan, berjumpa doktor untuk perbincangan lebih lanjut • Walaupun gejala tidak menyebabkan anda tidak selesa, adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada doktor mengenainya 	<ul style="list-style-type: none"> • Elakkan makan ubat-ubatan sendiri • Jangan berlengah berjumpa doktor. Reaksi alahan boleh berkembang dan akhirnya bertambah teruk
---	--

Bila perlu hubungi pasukan penjagaan barah anda

Kerana ia boleh mengancam nyawa, anda dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan kecemasan jika anda mengalami gejala berikut:

- Kesukaran bernafas
- Berdehit
- Muka / mata / lidah / tekak menjadi bengkak

Sekiranya anda menerima rawatan di Unit Rawatan Ambulatori NCCS, hubungi jururawat pendidik kemoterapi anda, atau rujuk buku kecil "Panduan Anda untuk Kemoterapi" jika anda mempunyai pertanyaan mengenai reaksi alahan dari rawatan anda. Untuk semua pertanyaan umum yang lain, sila hubungi Talian Bantuan Barah di +65 6225 5655 atau hubungi doktor atau jururawat anda untuk maklumat lebih lanjut.

Kandungan di atas disediakan sebagai sebahagian daripada PROGRAM YAYASAN TEMASEK-ACCESS (Accessible Cancer Care to Enable Support for Survivors), program penjagaan holistik untuk membantu pesakit barah semasa mereka menjalani rawatan dan pemulihan.

Kandungannya telah diluluskan oleh Perkhidmatan Maklumat Pendidikan Barah, Pusat Barah Nasional Singapura (NCCS), untuk orang yang menghidap barah dan keluarga serta penjaga mereka. Walau bagaimanapun, maklumat ini hanya berfungsi sebagai panduan dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti diagnosis, rawatan atau nasihat perubatan. Untuk keadaan perubatan tertentu, sila dapatkan nasihat perubatan pakar dari pasukan penjagaan kesihatan anda.

Dibawakan kepada anda oleh:

TEMASEK
FOUNDATION

